

UMS berjaya peroleh Sijil MS ISO 9001:2008

KOTA KINABALU: Atas kejayaan dalam mengekalkan pengiktirafan pada sistem pengurusan kualitinya, Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya memperoleh Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008.

Pensijilan berkenaan adalah bagiskop Pelaksanaan Program Pengajian Prasiswazah Sepenuh Masa yang telah berubah daripada versi ISO 9001:2000 kepada versi baru iaitu ISO 9001:2008.

Penyampaian Sijil itu disempurnakan oleh Pengurus Besar SIRIM cawangan Sabah, Haji Khairan Untoh kepada Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Haji Ampon dalam satu majlis yang diadakan di sini baru-baru ini.

Menurut Kamaruzaman, kejayaan memperoleh Sijil MS ISO 9001:2008 menunjukkan warga kampus mengambil berat terhadap elemen kualiti dan menjadikannya satu budaya dan amalan di UMS.

“Pelaksanaan ISO UMS berkait rapat dengan pendekatan yang diambil iaitu sentiasa mengutamakan pelanggan dalam semua lapisan pengurusan universiti disamping memastikan setiap perkhidmatan memenuhi



IKTIRAF ... Khairan menyampaikan Sijil MS ISO 9001:2008 kepada Kamaruzaman sambil diperhatikan oleh pegawai-pegawai kanan UMS yang lain.

kehendak pelanggan dan peraturan yang ada,” katanya.

Beliau menjelaskan, persaingan yang sihat antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan swasta akan memastikan UMS tidak ketinggalan untuk mendapat pengiktirafan diperingkat nasional dan antarabangsa agar sentiasa relevan dan terus berdaya saing.

“Sistem Pengurusan Kualiti UMS mematuhi piawaian MS ISO sejak tahun 2002 yang mana ia menyumbang kepada

pencapaian UMS dalam Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi SETARA.

“Sehubungan itu, UMS berjaya memperbaiki kedudukan daripada baik (tiga bintang) pada tahun 2007 kepada sangat baik (empat bintang) pada tahun 2009,” jelasnya.

Selain itu katanya, dalam memastikan perkhidmatan berkualiti bagi membentuk imej cemerlang, tiga sumber khusus yang menjadi keutamaan UMS termasuklah sumber manusia, infrastruktur

dan kemudahan serta sumber kewangan.

Beliau menambah, semua jabatan perlu sentiasa peka terhadap ketidakpatuhan dan teguran-teguran audit seterusnya mengenalpasti puncanya dengan memastikan langkah penambahan baik dibuat ke atas punca berkenaan.

“Saya berharap melalui ISO, penambahan baik berterusan dalam Sistem Pengurusan Kualiti universiti akan terus dapat dikembangkan,” katanya.